



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

PENELITIAN TERHADAP WAKAF KEDIAMAN DAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA MENERUSI KOMPERATIF NEGARA TERPILIH

[RESEARCH ON RESIDENTIAL AND EDUCATION ENDOWMENT IN MALAYSIA THROUGH COMPARATIVE SELECTED COUNTRIES]

FATIN DAYANA RASHID^{1*}

RAZI YAAKOB²

HANIF MD LATEH¹

NAJIBATUL ISLAHIAH NIK RUSLAN³

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

²Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

³Fakulti Pengajian Islam, Universiti al-Azhar al-Syarif, Kaherah, MESIR

*Corresponding author: fatindayana.fdr@gmail.com

Received Date: 13 October 2022 • Accepted Date: 26 November 2022

Abstrak

Kebejatan tanah wakaf di Malaysia masih lagi berlaku walaupun isu ini sudah lama dibangkitkan. Selain daripada populasi penduduk di Malaysia yang semakin meningkat, taraf hidup di Malaysia juga tinggi. Bilangan golongan masyarakat B40 semakin meningkat disebabkan graf pengukuran kelas masyarakat B40 meningkat. Masih ramai yang memerlukan kediaman sebagai tempat tinggal dan pendidikan sebagai elemen teras kehidupan. Justeru, kajian ini untuk melihat sejauh mana pelestarian wakaf terhadap pendidikan dan pembangunan perumahan yang di bina di atas tanah wakaf untuk membantu masyarakat Islam Melayu khususnya di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian mendapati bahawa isu tanah wakaf yang telah lama berlaku ini mula ditangani seperti di beberapa buah negeri yang telah melaksanakan wakaf kediaman dan wakaf pendidikan. Namun hanya beberapa negeri sahaja yang berjaya dalam membendung isu kebejatan tanah wakaf dengan menjadikan hartanah wakaf untuk kediaman dan pendidikan. Oleh yang demikian, pembinaan kediaman wakaf dan institut pengajian wakaf adalah wajar untuk diperkasakan kerana penempatan dan pelajaran merupakan keperluan bagi masyarakat untuk membina tamadun yang sejahtera.

Kata Kunci: wakaf, kediaman, perumahan, pendidikan, Malaysia, Turki, Mesir

Abstract

The corruption of waqf land in Malaysia is still happening even though this issue has been raised for a long time. Apart from the growing population in Malaysia, the standard of living in Malaysia is also high. The number of B40 community groups is increasing due to the increase in the B40 community class measurement graph. There are still many who need housing as a place to live and education as a core element of life. Thus, this study is to see the extent of preservation of waqf for education and housing development built on waqf land to help the Malay Muslim community, especially in Malaysia. This study is a qualitative study that uses a survey research design. The study found that the issue of waqf land that has been going on for a long time is starting to be addressed as in some states that have implemented residential waqf and educational waqf. However, only a few states have succeeded in curbing the issue of waqf land corruption by making waqf properties for residence and education. Therefore, the construction of waqf residences and waqf study institutes should be empowered because settlement and education are a necessity for the community to build a prosperous civilization.

Keywords: waqf, residence, housing, education, Malaysia, Turkey, Egypt

Cite as: Fatin Dayana Rashid, Razi Yaakob, Hanif Md Lateh & Najibatul Islahiah Nik Ruslan. 2022. Penelitian Terhadap Wakaf Kediaman dan Pendidikan di Malaysia Menerusi Komperatif Negara Terpilih [Research on Residential and Education Endowment in Malaysia through Comparative Selected Countries]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 40-57.

PENGENALAN

Wakaf merupakan salah satu komponen ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan cara membelanjakan harta di jalan Allah dengan tujuan semata-mata mengharapkan redha Allah serta memperoleh saham dan ganjaran di akhirat. Terdapat banyak jenis wakaf yang ditubuhkan di Malaysia, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada wakaf kediaman dan wakaf pendidikan. Tempat tinggal adalah keperluan asas tertinggi bagi manusia dalam hierarki Abraham Maslow manakala pendidikan pula merupakan elemen yang terpenting dalam membangun manusia dan negara. Pendidikan tidak dapat lagi dipisahkan kerana setiap insan pasti melaluinya daripada pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Antara institusi wakaf yang sentiasa meniti di bibir adalah Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir. Peranan yang dimainkan oleh institusi wakaf dalam menyediakan wakaf tempat tinggal dan pendidikan sememangnya amat banyak kerana pembangunan harta tanah wakaf sememangnya memberi impak yang besar bagi umat Islam khususnya dalam menjana ekonomi Negara. Kejayaan institusi wakaf di Mesir dan Turki merupakan contoh bagi Negara Malaysia untuk terus memperkasakan harta tanah wakaf seterusnya menjadi institusi wakaf yang berjaya lambang kepada Negara yang majoriti menganut agama Islam.

PENGERTIAN WAKAF

Wakaf ialah suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara terang (*sorih*), atau sindiran (*kinayah*), di mana harta tersebut ditahan dan manfaatnya sahaja diaplikasikan untuk tujuan-

tujuan kebajikan di mana harta itu dimanfaatkan kepada orang lain sama ada secara umum atau khusus (Asmak Ab Rahman, 2009). Perkataan wakaf berasal daripada bahasa Arab iaitu *waqf* yang merupakan *masdar* dari kata kerja *waqafa*. Walau bagaimana pun, ia mempunyai berbagai maksud mengikut penggunaan dan tujuan ayat itu sendiri. Menurut Hanif Md Lateh (2018), hal ini menunjukkan kebergantungan bahasa Melayu kepada bahasa pinjaman. Perkara ini kerana dalam mentakrifkan maksud wakaf, bahasa Arab membantu dalam memperkasakan bahasa Melayu.

Wakaf dari sudut bahasa ialah berhenti, menegah dan menahan (الحبس) (المنع) (السكن) (السكن) berhenti, menegah dan menahan. Ulama fiqah bersepakat mentakrifkan wakaf dengan *al-habs* yang ertiannya adalah menahan kerana makna itu lebih hampir kepada pengertian syarak. Tambahan pula apabila perkataan itu banyak kali diucapkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa buah hadis (Asmak Ab Rahman, 2009). Namun, (Yayasan Wakaf Malaysia, 2022) pada istilah syarak pula ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya untuk kebajikan dengan niat semata-mata untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Walaupun begitu, haruslah dipastikan bahawa harta tersebut berada di dalam keadaan baik.

Selain itu, terdapat juga beberapa istilah lain yang diketengahkan ulama bagi merujuk kepada makna wakaf, antaranya Imam al-Syafie menamakan wakaf sebagai (صدقة محرمات) iaitu sedekah yang mengharamkan. Manakala menurut Imam al-Mawardiy menamakannya pula sebagai (صدقه تملك) iaitu sedekah untuk pemilikan. Selain itu, ada juga ulama-ulama lain yang menamakannya sebagai (صدقه الحبس) iaitu sedekah yang diwakafkan, (صدقه دائمة) sedekah yang berpanjangan dan (صدقه موقوفة) iaitu sedekah yang terhenti. Kepelbagaiannya istilah yang dikemukakan oleh para ulama ini tidaklah menunjukkan perbezaan yang ketara dari sudut istilah penggunaan kerana majoriti ulama beranggapan bahawa wakaf ialah sedekah, walaupun terdapat sebahagian ulama yang mengatakan wakaf adalah kontrak ke atas pemilikan manfaat. Walau bagaimanapun, yang lain berpendapat bahawa wakaf merupakan sedekah yang mengharamkan pemilikan ke atas waqif (Mohd. Ali Muhammad Don, 2019).

Namun begitu, definisi wakaf menurut pandangan empat mazhab dari sisi Abu Hanifah ialah menahan sesuatu harta atau aset pewakaf dan manfaatnya sahaja disedekahkan ke jalan kebaikan. Menurut mazhab Maliki pula ialah setiap pemilik menjadikan yang dimilikinya sebagai suatu manfaat, walaupun yang dimilikinya itu adalah berbentuk sewa. Jadi menurut sisi Mazhab Maliki, wakaf tidak memutuskan hak pemiliknya pada aset yang diwakafkan, tetapi hanya memutuskan hak menggunakan pakai sahaja (Yayasan Wakaf Malaysia, 2009). Manakala menurut Mazhab Syafi'e pula, wakaf adalah menahan harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan zat untuk digunakan bagi tujuan yang diharuskan. Selain itu, definisi wakaf menurut Mazhab Imam Hanbali pula ialah menahan yang asal dan mengagihkan manfaat. Manakala daripada pendapat jumhur ulama mengatakan bahawa wakaf adalah menahan harta dan memberikan manfaatnya untuk kegunaan di jalan Allah. Hal ini lebih kuat berbanding pendapat Mazhab Abu Hanifah yang mengatakan wakaf adalah harta kekal milik pewakaf dan manfaatnya sahaja diagihkan (Mohd. Ali Muhammad Don, 2019).

Walau bagaimanapun, wakaf terbahagi kepada dua iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am ini di mana pewakaf mewakafkan harta miliknya secara umum tanpa menentukan harta tersebut secara khusus untuk kegunaan apa. Manakala wakaf khas pula adalah pewakaf menyatakan secara khusus harta yang dimilikinya tersebut untuk tujuan dan kegunaan tertentu.

SEJARAH WAKAF

Menurut sejarah, wakaf yang pertama berkembang dalam masyarakat Arab pra Islam adalah Al-Ka'bah Al-Musyarah iaitu tempat pertama yang dibina untuk beribadat kepada Allah SWT. Tempat ini dibangunkan oleh Nabi Ibrahim AS sebagai tempat untuk berkumpul ketika Haji dan Umrah. Wakaf tempat ini pada awalnya berkembang sebagai pusat penyembahan berhala dan mula berkembang lagi sebagai tempat yang paling dekat untuk beribadat kepada Allah. Dengan erti kata lain, wakaf sebenarnya telah berkembang pada masa dahulu sebelum datangnya Islam, walaupun pada ketika itu belum dikenali dengan penggunaan istilah wakaf. Masjidil Haram dan Masjid Al-Aqsa adalah bukti bahawa wakaf sudah berdiri tanpa pemilik sebelum datangnya Nabi Muhammad SAW (Choirun Nissa, 2017).

Walaupun bagaimanapun, sejarah wakaf umat Islam sebenarnya mula diperkenalkan pada tahun kedua Hijrah selepas tahun kenabian Rasulullah SAW, ataupun dengan lebih tepat lagi ketika peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW dan para sahabat ke Madinah. Lalu pada ketika itu, Baginda SAW membangunkan Masjid Quba' di atas sebidang tanah yang telah diwakafkan oleh Baginda SAW (Asmak Ab Rahman, 2009). Masjid ini adalah masjid pertama di bina atas dasar takwa, agar menjadi wakaf pertama dalam Islam untuk kepentingan agama. Peristiwa ini terjadi setelah Nabi SAW hijrah ke Madinah sebelum pindah ke rumah bapa saudaranya yang berasal daripada kaum Bani Najjar. Kemudian disusuli pula dengan pembangunan Masjid Nabawi yang di bina di atas tanah anak yatim daripada Bani Najjar setelah dibeli oleh Rasulullah dengan harga lapan ratus dirham (Mundzir Qahaf dalam Abdurrohman Kasdi, 2018).

Selain itu, tiga per empat daripada keluasan tanah Arab juga merupakan tanah wakaf, di mana salah satunya adalah Masjid Nabawi di Madinah yang juga turut dibina di atas sumber wakaf (Asmak Ab Rahman, 2009). Namun begitu, ada dua pendapat ulama tentang siapakah orang pertama yang melakukan wakaf. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Umar bin Syabah dari Amr bin Sa'ad bin Mu'ad berkata: ‘Dan diriwayatkan dari Umar bin Syabah, dari Umar bin Sa'ad bin Muad berkata: Kami bertanya tentang mula-mula wakaf dalam Islam? Orang Muhibbin mengatakan adalah wakaf Umar, sedangkan orang-orang Ansor mengatakan adalah wakaf Rasulullah SAW.’ (Choirun Nissa, 2017). Hal ini terjadi kerana menurut sebahagian pendapat ulama mengatakan orang yang pertama melaksanakan syariat wakaf adalah Rasulullah SAW kerana Rasulullah SAW pernah mewakafkan tanah miliknya untuk dijadikan masjid. Namun ada sebahagian pendapat pula yang mengatakan orang pertama yang memperkenalkan wakaf adalah Saidina Umar al-Khatib RA (Akmal, Mutatohhir & Kassim Muafit, 2021).

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Umar RA, Umar RA berkata: “Bahawa sahabat Umar RA, memperoleh sebidang tanah di Khaibar, kemudian Umar RA, menghadap Rasulullah SAW untuk meminta petunjuk. Umar berkata: “Hai Rasulullah SAW., saya mendapat sebidang tanah di Khaibar, saya belum mendapat harta sebaik itu, maka apakah yang engkau perintahkan kepadaku?” Rasulullah SAW. bersabda: “Bila engkau suka, kau tahan (pokoknya) tanah itu, dan engkau sedekahkan (hasilnya), tidak dijual, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan.” Ibnu Umar berkata: “Saya menyedekahkannya (hasil pengelolaan tanah) kepada orang-orang fakir, kaum kerabat, hamba sahaya, sabillah, Ibnu sabil dan tamu. Dan tidak dilarang bagi yang mengelola (nazir) wakaf makan dari hasilnya dengan cara yang baik

(sepantasnya) atau memberi makan orang lain dengan tidak bermaksud menumpuk harta” (HR. Muslim).

Umar al-Khatab adalah orang yang pertama selepas Rasulullah SAW yang melaksanakan syariat wakaf dan disusuli pula oleh Abu Talhah yang turut mewakafkan kebun kesayangannya di Bairaha’ meskipun kebun itu adalah harta yang paling dicintainya. Lalu disusuli pula oleh sahabat Nabi SAW yang lain seperti Abu Bakar yang turut mewakafkan sebidang tanahnya di Mekkah untuk anak dan keturunannya yang datang ke Mekkah (Akmal, Mutatohhir & Kassim Muafit, 2021). Seterusnya, sahabat Nabi SAW, Uthman bin Affan juga telah menyedekahkan hartanya di Khaibar dan mewakafkan telaga ar-Raumah di mana airnya digunakan untuk memberi minum kaum Muslimin (Abdurrohman Kasdi, 2018). Muaz bin Jabal juga turut mewakafkan rumahnya yang dikenali dengan panggilan ‘*Dar Al-Ansar*’. (Mohd Syakir Taib & Wan Kamal Mujani, 2014). Kemudian pelaksanaan wakaf disusul lagi oleh Anas bin Malik, Abdullah bin Umar, Zubair bin Awwam dan Aisyah Isteri Baginda Rasulullah SAW (Akmal, Mutatohhir & Kassim Muafit, 2021).

Manakala pada tahun ketiga hijrah pula, Rasulullah SAW telah mewakafkan tujuh kebun kurma di Madinah yang antaranya ialah kebun Barqah, Shafiyah, Dalal, A’raf, dan kebun-kebun lain (Choirun Nissa, 2017). Dari fakta-fakta di atas, dapat kita lihat bahawa wakaf telah pun wujud pada era sebelum kedatangan Islam. Walau bagaimanapun, selepas kedatangan Islam, wakaf diperkasakan lagi melalui syariat Islam dan telah disambut dengan baik oleh sahabat-sahabat Baginda Nabi SAW. Tujuan wakaf dilaksanakan adalah untuk mengekalkan manfaat sesuatu harta di mana orang ramai akan peroleh faedah daripada manfaat itu. Antara asas wakaf terpenting di zaman Rasulullah adalah wakaf masjid kerana di sivilah tempat pendidikan ilmu berkembang dan tersebarnya dakwah Rasulullah SAW.

Kajian Salmah Omar (2009) dalam Mohd Ali Muhammad Don individu pertama yang mengemukakan idea penubuhan badan-badan wakaf untuk pembiayaan pendidikan adalah Khalifah al-Ma’mun. Menurutnya lagi lagi Bayt al-Hikmah merupakan IPT yang dibiayai oleh badan wakaf yang dipelopori oleh Khalifah al-Ma’mun di Baghdad. Pada zaman pemerintahan Islam di Andalusia, Universiti Cordova telah menjadi institusi pendidikan terbesar di dunia dengan penawaran pelbagai kursus dan terbuka kepada pelajar Islam dan bukan Islam yang dibiayai secara percuma (Salmah Omar, 2009). Kos pembinaannya telah ditanggung oleh Khalifah Abdul Rahman III selain dibantu oleh orang awam. Selain itu terdapat Universiti Granada atau atau Madrasah al-Nasriyyah yang menawarkan kursus dalam bidang undang-undang, perubatan, kimia, falsafah dan astronomi (Mohd Ali Muhammad Don, 2016).

KEPENTINGAN WAKAF SEBAGAI SUMBER EKONOMI UMMAH

Dalam pembangunan ummah, Islam menggariskan satu mekanisme yang berperanan untuk mengagihkan semula kekayaan supaya pembangunan ekonomi dapat dinikmati bersama masyarakat melalui medium hibah, zakat, korban dan wakaf. Wakaf dianggap satu medium memberi harta yang unik kerana pewakaf melakukannya tanpa paksaan dan dibuat semata-mata kerana ingin mendapatkan ganjaran daripada Allah SWT.

Dalam Syariah, ada memperundangkan kaedah agihan semula harta kekayaan dalam beribadat. Hal ini sekali gus memberi motivasi kepada seseorang Muslim untuk mengagihkan hartanya dan berkongsi kekayaannya dengan orang lain, hanya semata-mata untuk menzahirkan

keimanan dan memperoleh ganjaran pahala daripada Allah (Asmak Ab Rahman, 2009). Hal ini dikukuhkan lagi dengan firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah ayat ke-261 yang memberi peringatan kepada manusia supaya membelanjakan harta di jalan Allah dan nescaya pahalanya berlipat kali ganda

مَّنْ أَذْنَىٰ إِلَيْهِ بُنْفَقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلٍ اللَّهِ كَمَّلَ حَبَّةً أَنْبَتَ سَبْعَ سَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مَائَةً حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ
لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وُسْعٌ عَلَيْهِ ۖ ۲۶۱

“Perumpamaan (derma atau nafkah) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, adalah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah amat luas (rahmat) kurniaNya lagi Maha Mengetahui.”(Surah al-Baqarah: 261)

Dalam masa yang sama, Allah juga turut memberi ancaman kepada orang yang bersifat bakhil dan kedekut terhadap harta miliknya seperti di dalam surah Muhammad ayat ke-38:

هَلَّا نَتَّمْ هَؤُلَاءِ ثُدُعُونَ لِتُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَمِنْكُمْ مَنْ يَبْخُلُ ۚ وَمَنْ يَبْخُلُ فَإِنَّمَا يَبْخُلُ عَنْ نَفْسِهِ وَاللَّهُ الْغَنِيُّ
وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ ۝ وَإِنْ تَتَوَلَّوْا يَسْتَبِدُ قَوْمًا عَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُو أَمْثَالَكُمْ ۝ ۳۸

“Ingatlah kamu ini adalah orang yang diseru supaya menafkahkan sedikit daripada harta benda kamu pada jalan Allah. Maka ada antara kamu yang bersikap bakhil. Sesiapa yang bersikap bakhil maka sesungguhnya dia hanyalah berlaku bakhil terhadap dirinya sendiri. (Ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedangkan kamu semua fakir (yang sentiasa berhajat kepada-Nya pada segala hal). Jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan menafkah), Dia (Allah) akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.” (Surah Muhammad: 38)

Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa mengagihkan semula kekayaan sangat perlu dalam mencapai pembangunan ekonomi ummah. Maka dapat dilihat bahawa Allah telah menyusun kaedah pembahagian semula harta melalui medium zakat, wakaf, sedekah dan lain-lainnya. Serta yang menjadikan setiap manusia itu bermotivasi untuk melakukannya adalah tidak lain dan tidak bukan hanyalah jalan untuk beribadat kepada Allah dan mendapat ganjaran di akhirat kelak sebagaimana yang difirmankan Allah.

Dalam kajian Siti Asni Basir (2004), Islam sangat menitik beratkan pembangunan sumber manusia dan sumbangannya kepada masyarakat. Al-Qutb turut menekankan bahawa pembangunan manusia amat dititik beratkan dalam Islam supaya penganutnya dapat membangunkan potensi diri. Menurut Siti Mashitoh (2007), di zaman sekarang, medium yang paling mudah untuk diwakafkan adalah wang tunai yang merupakan alat pertukaran yang diguna pakai di dunia. Malah bentuk wakaf seperti ini sudah biasa digunakan di negara-negara Islam lain termasuk negara Eropah. Contohnya di Jerman, wakaf dalam bentuk wang tunai telah diperkenalkan pada abad ke-14 Masihi.

Institusi wakaf yang paling berjaya adalah wakaf al-Azhar di Negara Mesir dan institusi wakaf di Negara Turkiye di mana kedua-dua institusi mempunyai aset yang banyak sehingga mampu membiayai pelbagai pembangunan masyarakat Islam seperti hospital, sekolah, universiti dan sebagainya. Kejayaan kedua-dua Negara ini menjadi lambang semangat dan keyakinan masyarakat terhadap tradisi wakaf. Oleh itu, jelaslah bahawa peranan institusi wakaf memberi impak yang besar terhadap ketamadunan umat Islam. Mekanisme wakaf ini juga merupakan salah satu cabang ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan cara membelanjakan harta ke jalan Allah dan semata-mata untuk mendapatkan reda Allah SWT.

PERKEMBANGAN WAKAF DI TURKI

Secara perkembangannya, Turki mempunyai sejarah yang panjang dalam pengelolaan wakaf, dimana wakaf bermula sejak Daulah Uthmaniyah sehingga sekarang. Menurut Achmad Djunaidi dan Thobieb al-Asyhar, pada tahun 1925 sebagaimana yang dinyatakan di dalam Abdurrohman Kasdi (2018), $\frac{3}{4}$ daripada harta Turki adalah daripada aset wakaf. Kini ditubuhkan *Waqt Bank & Finance Coorporation* untuk menyelia sumber-sumber wakaf dan membiayai pelbagai jenis projek joint-venture. Hasil wakaf dibahagi kepada tiga komponen utama kebajikan masyarakat iaitu perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan sosial. Perkhidmatan kesihatan diberikan melalui wakaf-wakaf hospital dan klinik, perkhidmatan pendidikan diberikan melalui penubuhan lembaga pendidikan, pemberian gaji guru dan biasiswa yang sumbernya dari hasil wakaf yang produktif, serta perkhidmatan sosial melalui lembaga-lembaga dan kegiatan-kegiatan sosial.

Pada abad ke-15, kerajaan Turki Uthmani telah memperluas empayar kekayaannya sehingga dapat menguasai sebahagian besar daripada wilayah Negara Arab. Wakaf di Turkiye ini ditadbir di bawah Direktorat Jeneral Wakaf dan ada pula yang ditadbir oleh *mutawalli*. Selain daripada mengurus wakaf, direktorat wakaf juga mengawal dan menyelia wakaf yang ditadbir oleh *mutawalli*. Antara peraturan di Turki, wakaf mesti mempunyai lembaga pengurusan dan penyata kewangan yang diaudit setiap dua tahun. Direktorat Jeneral akan memperoleh 5% daripada pendapatan wakaf bersih sebagai yuran penyeliaan dan pengauditan tetapi syaratnya tidak boleh melebihi TL 1 juta. Direktorat Jeneral wakaf ini dilantik oleh Perdana Menteri dan berada di bawah jawatan Perdana Menteri (Choirun Nissa, 2017). Undang-undang tentang pelaksanaan wakaf turut dikeluarkan oleh kerajaan Uthmani. Undang-undang tersebut memperuntukkan tentang pendaftaran wakaf, cara mentadbir wakaf, keupayaan dalam mencapai tujuan wakaf, pensijilan wakaf dan mewujudkan lembaga wakaf untuk merealisasikan wakaf dari sudut pentadbiran dan perundangan (Mohd Syakir Taib & Wan Kamal Mujani, 2014).

Selain itu, wakaf yang dilaksanakan zaman Kerajaan Uthmaniyyah pula banyak membantu dalam pembangunan ekonomi masyarakat seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, kebajikan dan lain-lain aktiviti yang memberi manfaat pada masyarakat. Hasil daripada wang wakaf dilaburkan dan hasil keuntungan dibelanjakan untuk manfaat wakaf. Ini bermakna modal asal wang wakaf adalah kekal dan tidak berkurangan. Di Turki, pada tahun 1513 El-Hac Sulayman El-Hac telah mewakafkan sebanyak 70,000 dirham perak di mana 30,000 dirham untuk pembinaan sekolah dan 40,000 dirham dijadikan modal untuk dilaburkan dengan cara dipinjamkan kepada pihak yang berminat dengan pulangan keuntungan sebanyak

10 peratus setahun atas kontrak murabahah. Hasil daripada keuntungan tersebut dibelanjakan kepada empat perkara iaitu 3 dirham untuk gaji guru-guru sekolah, 1 dirham untuk pembantu guru, 1 dirham yang seterusnya kepada orang yang membaca al-Quran dan 2 dirham lagi kepada nazir wakaf. Kebanyakan daripada hasil keuntungan dari wakaf wang semasa Kerajaan Uthmaniyyah digunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan pentadbiran wakaf, pendidikan, perbelanjaan untuk penyelenggaraan harta wakaf, keluarga pewakaf, institusi keadilan, makanan, nazir wakaf masjid, keagamaan, cukai, sewa dan sosial (Murat Cizakca, 2004).

Ibnu Khaldun (2000) dalam kajian Mohd Ali Muhammad Don (2016) menyebutkan Salahuddin al-Ayubi turut mewakafkan tanah pertanian, rumah-rumah dan bangunan untuk tujuan pendidikan. Begitu juga dengan pemerintah Turki pada ketika itu yang turut mewakafkan harta untuk tujuan pendidikan sehingga ramai pelajar mendapat faedah dengan pertambahan bilangan sarjana terkemuka. Manakala Khaf (1998) dalam kajian Mohd Ali Muhammad Don (2016) juga menambah bahawa tanah wakaf pernah digunakan untuk membangun universiti selain membiayai peralatan pengajaran, emolumen untuk para guru dan penginapan pelajar sama ada yang bujang mahupun sudah berumah tangga.

Sistem wakaf di Turki berperanan penting dalam membentuk pola kehidupan sosial ekonomi masyarakat Istanbul. Dengan adanya sistem wakaf maka masyarakat Istanbul dapat mengakses segala perkhidmatan sosial dengan mudah. Antara kemudahan wakaf yang boleh didapati di kota Istanbul adalah seperti madrasah, klinik, pasar, jambatan, jalan, dapur umum dan tandas. Dengan tertubuhnya kemudahan wakaf ini, maka ia telah membentuk satu identiti wakaf yang berjaya di kota Istanbul. Di antara kejayaan Turki dalam membina institusi wakaf adalah bila mana kerajaan menggalakkan orang-orang kaya untuk menyedekahkan harta mereka dalam menjaga kesejahteraan rakyat. Projek wakaf yang paling berjaya di Turki adalah dengan pembinaan masjid di mana masjid dapat dilihat berada di setiap sudut jalan, dari kota sehingga juga di perkampungan. Dari zaman pemerintahan tentera al-Fatih hingga abad ke-17, masjid memainkan peranan penting di mana ia bukan sahaja sebagai tempat untuk beribadah, tetapi juga berfungsi dalam kehidupan politik. Keberadaan masjid menjadi simbol kemegahan bagi sultan-sultan Uthmani. Kemampuan sultan dan pembesar negeri dalam menyediakan tempat ibadah bagi masyarakat adalah sangat penting dalam mengekalkan kedudukan politik mereka (Frial Ramadhan Supratman, 2019).

Dari segi ekonomi negara pula, Turki tersenarai di kedudukan ke-16 dalam negara yang berkembang pesat. Tambahan pula, Turki merupakan sebuah negara Islam yang berpotensi menjadi kuasa besar dengan kedudukan yang strategik merentasi benua Eropah dan Asia. Menurut Profesor Murat Cizakca yang merupakan pakar sejarah wakaf berbangsa Turki menyatakan bahawa wakaf berpotensi mengatasi tekanan ekonomi kerajaan yang dihadapi banyak negara. Selain itu, wakaf juga dapat mencapai matlamat moden iaitu agihan pendapatan lebih baik dalam ekonomi. Ketika wakaf berkembang di bawah pemerintahan Kerajaan Uthmaniah (1299-1923), tamadun Islam berkembang dan dilambangkan dengan pembinaan masjid yang memiliki seni bina yang tersergam indah. Institusi wakaf pada ketika itu juga berperanan sebagai pembiaya jambatan, pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pusat perdagangan (*caravanserai*), menjaga keperluan pesakit miskin dan banyak lagi (Tan Sri Muhammad Ali Hashim, Pengurus Awqaf Holdings Berhad, 2017).

PERKEMBANGAN WAKAF DI MESIR

Dari segi sejarah, perundangan wakaf Mesir telah ditubuhkan oleh Taubah bin Ghar al-Hadramiy yang berkhidmat sebagai hakim di Basrah Mesir pada zaman Khalifah Hisham bin Abdul Malik (724-743M). Dinasti Umayyah pada ketika itu juga telah mempelopori pengurusan wakaf di bawah seliaan hakim. Institusi pentadbiran wakaf ini adalah institusi yang pertama dijalankan dalam pentadbiran wakaf di Mesir, bahkan yang pertama juga di seluruh negara Islam pada ketika itu. Sejak daripada itu, pengurusan wakaf berada di bawah kuasa badan kehakiman. Kewujudan institusi wakaf ini telah diteruskan pada zaman pemerintahan Dinasti Abbasiyah. Kerajaan Abbasiyah menubuhkan sebuah institusi bernama *Sadr al-Wuquf* di mana institusi ini bertanggungjawab menjaga hal ehwal pentadbiran dan memilih kakitangan pengurusan institusi wakaf (Muhsan, 2013).

Daripada awal penubuhan lagi, perkembangan wakaf di Mesir sangat mengagumkan, bahkan kejayaan ini turut dijadikan contoh bagi pengembangan wakaf di Negara-negara lain. Salah satu kejayaan dan kemajuan terbesar yang dicapai oleh badan wakaf Mesir adalah kerana peranannya dalam meningkatkan ekonomi masyarakat. Hal ini disebabkan oleh pengurusan yang baik dan betul dalam kepelbagai harta wakaf yang didermakan sama ada dalam bentuk harta alih dan tidak alih. Pengurusannya dilakukan dengan melaburkan aset wakaf di Bank Islam sekiranya wakaf tersebut diterima dalam bentuk wang ringgit (Amir Muallim, 2015). Untuk melengkapkan pembangunan wakaf, badan wakaf membeli saham dan bon daripada syarikat-syarikat terkemuka. Hasil daripada pembangunan wakaf yang dilaburkan dalam pelbagai syarikat ini tertubuhnya masjid, institusi pendidikan, hospital awam dengan menawarkan perubatan dan membekalkan ubat-ubatan untuk membantu kehidupan masyarakat, perbelanjaan lain untuk membantu fakir miskin, anak yatim, dan peniaga kecil. Tambahan pula, Mesir juga mewujudkan hospital contoh yang memberikan perkhidmatan percuma untuk seluruh masyarakat. Selain itu, dalam bidang hartanah juga kerajaan Mesir melalui dasar wakaf membuat pembinaan perumahan, mengembangkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, dan pelbagai latihan (Muhsan, 2013).

Wakaf di Mesir kini dikelola oleh Badan Wakaf Mesir yang berada di bawah *Wizaratul Awqaf* (Kementerian Wakaf) yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta-harta wakaf di Mesir. Salah satu di antara kemajuan yang telah dicapai oleh Badan Wakaf Mesir adalah kerana peranannya dalam meningkatkan ekonomi masyarakat melalui harta wakaf (Amir Muallim, 2015). Universiti al-Azhar merupakan salah satu institusi pengajian tinggi dalam dunia Islam yang mana pada awal penubuhan universiti al-Azhar adalah dibina atas dana wakaf dan dibiayai sepenuhnya oleh institusi wakaf (Mohd Syakir Taib & Wan Kamal Mujani, 2014) seterusnya menjadi Universiti yang cukup dikenali di dunia Islam dan sehingga sekarang masih menjadi pilihan oleh mahasiswa seluruh dunia.

Universiti al-Azhar dibina oleh Kerajaan Fatimiyyah pada tahun 975 Masihi kemudian dibangunkan semula pada tahun 1960 oleh Kerajaan Mesir dan seterusnya menjadi institut pendidikan wakaf yang terulung. Ribuan ilmuwan Islam, ulama' dan tokoh yang terkenal lahir daripada al-Azhar sejak penubuhannya. Jami' al-Azhar adalah nama sempena dengan gelaran Puteri Nabi Muhammad SAW, Fatimah az-Zahra yang bermaksud tersohor dan juga mempunyai kaitan dengan Kerajaan Fatimiyyah di Mesir. Halaqah ilmu yang pertama dijalankan di Jami' al-Azhar adalah di bawah seliaan Qadi al-Qudha Abu al-Hassan bin Nu'man

al-Maghribiy pada Ramadhan 365 Hijrah bersamaan 975 Masihi, di mana Jami' al-Azhar yang dahulunya hanya terhad sebagai tempat ibadah sahaja. Beliau adalah orang yang mencadangkan supaya dibina rumah penginapan pelajar berhampiran masjid (Mohd Ali Muhamad Don, 2017).

Kesan yang paling besar daripada faedah wakaf pendidikan apabila ramai pelajar daripada Asia dan Afrika melanjutkan pelajaran ke Mesir (Mohd Ali Muhammad Don, 2016). Syeikh Muhammad Abduh adalah orang yang memperkenalkan sistem pengajian semester di al-Azhar. Selain itu, beliau turut mencadangkan agar kos perbelanjaan pengajian pelajar, gaji para pensyarah dan staf, adalah sepenuhnya daripada sumber wakaf. Dengan ini menjadikan bahawa Universiti al-Azhar sebagai Universiti terulung dunia (Mohd Ali Muhamad Don, 2017). Dana wakaf al-Azhar telah melimpah ruah sehingga mampu menampung kos ribuan pelajar yang datang dari seluruh dunia dan hal ini juga pernah merekodkan bahawa kerajaan Mesir pernah meminjam dana daripada wakaf al-Azhar untuk menampung keperluan kerajaan semasa kegawatan ekonomi melanda (Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman, 2015). Menurut Baharuddin (2011), Universiti al-Azhar merupakan model pendidikan wakaf yang berjaya dengan jumlah aset wakafnya yang banyak serta dapat dimanfaatkan untuk pelbagai aktiviti untuk pembangunan masyarakat, termasuk dalam menyediakan peluang pendidikan percuma daripada peringkat rendah ke universiti. Kejayaan al-Azhar ini telah menjadi pencetus kepada banyak penubuhan institut pengajian wakaf di negara lain.

KELESTARIAN HARTANAH WAKAF DI MALAYSIA

Di Malaysia, bidang kuasa penjaga amanah tunggal harta wakaf adalah berada di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Perkara-perkara berkaitan wakaf dan tanah wakaf adalah tertakluk kepada perundangan bagi setiap negeri. Menurut Asmak Ab Rahman (2009), contohnya bagi Negeri Selangor, Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam menyatakan bahawa '*Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan amanah.*' Begitu juga dengan negeri-negeri lain yang juga memperuntukkan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal bagi harta-harta wakaf. Namun, bagi membantu melicinkan lagi urusan pengurusan wakaf, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 oleh YAB Dato' Seri Tun Abdullah bin Ahmad Badawi. Matlamat penubuhan JAWHAR untuk memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan haji di seluruh negara lebih tersusun, berkesan dan sistematik.

Menurut sejarah, aktiviti perwakafan harta di Malaysia telah bermula dengan kemasukan Islam ke Alam Melayu (Siti Mashitoh, 2006). Hasil daripada pemerhatian, Malaysia adalah negara yang sedikit terkebelakang dalam pembangunan harta wakaf jika dibandingkan dengan negara maju seperti Turki dan Mesir. Namun, isu yang terjadi di Malaysia adalah banyak tanah wakaf tidak dikembangkan dan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk masyarakat dan negara. Menurut kajian Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed & Norhanizah Johari (2017), sehingga hari ini masalah berkaitan pembangunan tanah masih lagi berlaku walaupun isu ini sudah lama dibangkitkan. Selain daripada tanah wakaf, aset wakaf yang lain juga mempunyai kekangan dari segi pembangunan aset-aset tersebut disebabkan oleh beberapa halangan yang berlaku. Jadual 1 menunjukkan jumlah keluasan tanah wakaf di Malaysia pada tahun 2013 yang diperoleh daripada pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Jumlah tanah yang diwakafkan ternyata

menunjukkan satu jumlah yang besar dan memerlukan kepada pengurusan yang baik dalam perkembangan tanah wakaf itu sendiri. Tanah-tanah ini sememangnya mempunyai manfaat dan sumbangan yang besar sekiranya dikembangkan dengan optimum.

Jadual 1 Keluasan Tanah Wakaf (Hektar)

Bil.	Negeri	Keluasan Tanah Wakaf (Hektar)
1.	Terengganu	484.10
2.	Kelantan	284.92
3.	Pahang	74.60
4.	Perak	20,225.75
5.	Perlis	83.22
6.	Pulau Pinang	742.01
7.	Kedah	820.31
8.	Selangor	352.67
9.	Negeri Sembilan	17.18
10.	Melaka	357.04
11.	Johor	5,149.10
12.	Wilayah Persekutuan	24.27
13.	Sabah	2,130.04
14.	Sarawak	143.68
Jumlah Keseluruhan		30,888.89 Hektar

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), (2013)

Sejak dari zaman dahulu, (Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusof, Nadhirah Nordin, 2020) harta wakaf hanyalah terhad pada pembinaan masjid, surau dan tanah perkuburan. Namun, setelah berlakunya perubahan masa, kini institusi wakaf semakin berkembang dengan pembinaan perumahan, bangunan pejabat, premis perniagaan dan sebagainya. Menurut Yayasan Wakaf Malaysia (2016) pada masa terdahulu juga, pendaftaran wakaf hanya diberi amanah kepada imam atau ketua kampung dan akhirnya tanah tersebut tidak didaftar secara rasmi di bawah pihak berkuasa iaitu MAIN. Antara bentuk wakaf di Malaysia adalah dalam bentuk berikut:

- a. Masjid dan tanah perkuburan
- b. Surau, sekolah dan pondok pendidikan
- c. Tanah terbiar
- d. Hasil sewaan bangunan
- e. Bangunan (kedai, rumah kedai, kediaman)
- f. Ladang pertanian, kebun, dusun dan bendang
- g. Skim/Pelan takaful wakaf
- h. Wakaf korporat

- i. Wakaf wang tunai
- j. Wakaf kaki
- k. Saham wakaf
- l. Wakaf saham
- m. Lain-lain harta alih (mesin hemodialisis dan lain-lain)

Walau bagaimanapun, di dalam tulisan ini, kajian hanya menumpukan kepada wakaf kediaman dan wakaf pendidikan yang merupakan tunjang dalam membina tamadun yang berjaya.

Wakaf Kediaman

Di Malaysia, peranan wakaf terbahagi kepada beberapa keperluan asas manusia antaranya dalam menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal. Tanah-tanah wakaf dibangunkan dan disewakan kepada golongan miskin dengan harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran. Contohnya di Melaka, menurut data daripada laporan Pejabat Audit Negara Malaysia (2002), di daerah Melaka Tengah telah dibina Rumah Pangsa Al-Ehsan yang bernilai RM2.2 juta. Projek ini dibiayai oleh Tabung Amanah Saham Wakaf dan lebihan wang daripada wang zakat. Bangunan ini terdiri daripada 40 unit kediaman dan 14 unit kedai. Tujuan pembinaannya adalah untuk disewakan kepada golongan miskin dan ibu tunggal.

Selain itu, hasil temu bual bersama ketua wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, di Pulau Pinang juga telah dibina Wakaf Seetee Aisah yang terdiri daripada 76 unit rumah teres 2 tingkat dan 9 unit kedai 3 tingkat di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang dengan keluasan tanah 9.86 hektar. Projek pembangunan ini adalah usaha sama antara institusi kerajaan Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dengan syarikat swasta Uda Land (North) Sdn. Bhd. (temu bual, Fakharuddin 2021). Terkini, Uda Holdings bakal melancarkan Wakaf Seetee Aisah 2, di Seberang Perai Tengah dengan keluasan tanah 7.23 hektar. Projek terbaru ini, bakal menyediakan 611 unit kediaman di mana dibahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama 150 unit pangsapuri kos rendah iaitu kediaman asnaf, 422 unit kondominium pada fasa 2, dan 32 unit lot kedai empat tingkat serta satu blok pejabat tujuh tingkat berserta surau dan dewan konvensyen pada fasa ketiga (Berita Harian, 2022).

Selain itu, di Selangor juga telah dibina Projek Perumahan Wakaf UME Impian dan UME Idaman di Jalan Limau, Meru, Klang. Projek ini membangunkan 74 unit rumah teres satu tingkat dengan harga yang lebih rendah daripada pasaran (temu bual, Nasoha Jaiman, 2022). Projek perumahan ini adalah usaha sama antara Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan jumlah kasar sebanyak RM182 juta dengan keluasan 37 hektar (Sinar Harian, 2021). Kedua-dua tanah wakaf ini telah diwakafkan pada 23 Mei 1972 oleh Haji Ali bin Abdullah dan Haji Abdul Ghani bin Abdul Salam untuk manfaat Masjid Asy-Syarif Meru, Klang. Selaras dengan niat pewakaf, hasil pembangunan di atas tanah wakaf ini akan disalurkan sebagiannya kepada pihak masjid tersebut. Pelaksanaan pembangunan perumahan wakaf ini boleh memberi peluang kepada umat Islam untuk memiliki rumah dengan harga yang lebih berpatutan serta menambah nilai hartanah wakaf khususnya di negeri Selangor (Perbadanan Wakaf Selangor, 2021).

Setiap daripada unit bagi rumah kediaman, kedai atau ruang pejabat yang telah dibangunkan di atas tanah wakaf boleh dipajak kepada individu bagi tempoh jangka masa

panjang. Hal ini adalah berdasarkan syarat dan kaedah keperluan syarak mengikut pada akad semasa pajakan (sewaan) (Mohd Afandi Mat Rani, Razali Othman & Afiffudin Mohammed Noor, 2014). Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Malaysia (2022), pemilik tanah wakaf masih kekal di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai entiti yang didaftarkan pemilik bagi unit harta tanah wakaf yang berkenaan, cuma manfaatnya akan dinikmati oleh penyewa tersebut dalam tempoh yang telah dipersetujui, contohnya seperti 99 tahun. Namun, ia tidak menghalang untuk penyewa asal memindahkan manfaat bangunan tersebut atau kediaman kepada pihak lain sekiranya mereka tidak mahu lagi tinggal di rumah berkenaan. Kontrak sewaan jangka panjang ini lebih dikenali dengan pegangan pajakan (*leasehold*) dan diaplikasikan dalam projek pembangunan harta tanah wakaf.

Wakaf Pendidikan

Di Malaysia, sumbangan wakaf dalam menyediakan pendidikan kepada umat Islam amat banyak. Menurut sejarah, sumbangan wakaf dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu bermula seawal penubuhan institusi pendidikan pondok dan madrasah. Pada awalnya di mula dengan institusi pengajian pondok, kemudian diikuti dengan sistem pengajian madrasah atau sekolah aliran Arab dan seterusnya setelah merdeka sehingga alaf baru tahun 2000, kerajaan mengambil alih institusi pendidikan wakaf ini untuk diurus mengikut persekolahan aliran perdana (Mohd Ali Muhammad Don, 2016). Menurut kajian oleh Ahmad Zaki Hj Abd Latiff dalam Asmak Ab Rahman mendapat bahawa pada masa kini institusi pendidikan wakaf di Malaysia adalah terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), madrasah dan pondok. Sehingga tahun 2005 dianggarkan terdapat sebanyak 174 buah institusi wakaf pendidikan di Malaysia (Asmak Ab Rahman, 2009). Pada tahun 1374H/1955M al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah telah mewakafkan Istana Jamiah kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor (MAIS) sebagai wakaf Khas. Tujuannya adalah untuk dijadikan Kolej Islam Malaya, Klang (KIM) termasuk tanah seluas 1.49 ekar yang terletak di Jalan Kota Raja, Lot 4457 Mukim Daerah Klang. KIM mula beroperasi pada 24 Februari 1955 dengan jumlah seramai 55 orang pelajar dari seluruh Persekutuan Malaya dan Singapura. Pembukaan secara rasminya telah diadakan pada 8hb April 1955. Baginda amat berharap agar kolej ini dapat melahirkan para ulama' yang bertakwa kepada Allah dan seterusnya menerangi masyarakat Malaysia ini dengan roh-roh Islam serta dapat menghapuskan segala bentuk kekufuran dan jahiliah yang ada (Mohd Afandi Mat Rani, Razali Othman & Afiffudin Mohammed Noor, 2014).

Seterusnya pada tahun 1966, umat Islam di Sarawak telah menubuahkan Tabung Zakat dan Fitrah (TZF) atas usaha YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Tabung ini telah berjaya membantu ramai pelajar-pelajar Sarawak melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di kebanyakan Institusi Pendidikan Tinggi Islam (IPTI) dalam dan luar negara (Mokhtar Ismail, Mohd Isa Mohd Deni, Muna Sulaiman & Hairulfazli Muhammad Som, 2015). Kini beberapa buah IPT di Malaysia mengambil langkah proaktif dalam memperkenalkan skim wakaf berdasarkan konsep *waqf based university* atau *waqf university*. Antara yang terawal memperkenalkannya ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada Bulan Mac tahun 1999 yang bermula dengan dana Kerajaan Malaysia berjumlah RM3.5 juta. Seterusnya Dato Dr Abdul Hamid Sulayman telah mewakafkan keseluruhan gratuiti persaraan berjumlah

RM400,000, dan diteruskan oleh Tan Sri Kamal Hassan yang turut mewakafkan sebidang tanah miliknya di Gombak, Selangor. Setiap tahun UIAM melalui *International Islamic University Waqf Fund* (IEF) berjaya membantu seramai 4000 pelajar dengan biasiswa hasil penjanaan dana wakaf terkumpul (Mohd Ali Muhammad Don, 2016). Walau bagaimanapun dana ini tidak didaftarkan sebagai wakaf bagi mengelak konflik perundungan yang memperuntukkan MAIN sebagai *sole trustee* (Maliah Sulaiman, Mohd Akhyar Adnan & Putri Nor Suad Megat Mohd Nor, 2009).

Seterusnya langkah yang sama diikuti oleh Universiti Putra Malaysia dengan pengenalan skim Wakaf Ilmu UPM pada tahun 2002. Ia merupakan kaedah untuk berinfak dan berwakaf melalui wang tunai ke dalam Dana Wakaf Ilmu UPM sebagai pemegang amanah disertai niat untuk mewakafkan harta kerana Allah SWT. Manfaat wakaf tersebut disalurkan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti yang menjadi aktiviti teras universiti. Sehingga kini pengurusan Dana Wakaf Ilmu UPM telah mengagihkan RM50,000 kepada pelajar tahun akhir yang menyiapkan Latihan Ilmiah dan RM60,000 untuk naskhah al-Quran dan kitab yang diletakkan di surau kampus dan surau berhampiran (Mohd Ali Muhammad Don, 2016).

Selain itu, berdasarkan temu bual informan dalam kajian Mohd Ali Muhamad Don (2016) mendapat bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga menyediakan program penjanaan Dana Wakaf dan Infak UKM sebagai aktiviti penjanaan dana pendidikan di universiti. Ia bagi memudahkan warga dan alumni UKM serta masyarakat menyumbang kepada UKM melalui konsep wakaf dan infak. Terdapat 3 skim yang disediakan iaitu Skim Hadiah dan Derma UKM, Skim Wakaf Tunai UKM dan Skim Wakaf Takaful UKM. Matlamat pengenalan program wakaf ini adalah untuk memobilisasikan sumbangan dana wakaf dan infak, menjana pendapatan universiti, mengagihkan pendapatan dari harta wakaf dan infak kepada yang berkelayakan di samping meningkatkan kesedaran warga dan alumni UKM dan masyarakat umumnya tentang kelebihan menginfakkan harta fi sabilillah. Manfaatnya diagihkan untuk Skim Pendidikan dan Kebajikan Pelajar, Skim Pembangunan Pelajar, Skim Pembangunan Akademik dan Penyelidikan dan Skim Jaringan UKM Industri dan Masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat juga Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) memperkenalkan skim wakaf untuk pembiayaan pendidikan dan pembangunan institusi. Antaranya Universiti Kolej Bestari (UCB) yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) di Kuala Terengganu. Pengurusan universiti telah mengambil langkah menjual keseluruhan tanah kampus UCB di Kuala Terengganu berkeluasan 320 ekar dan diwakafkan dengan kadar RM30 bagi 0.1 meter persegi. Konsep jual dan wakaf ini dilihat berjaya menyumbang pulangan lumayan kepada UCB yang sehingga kini berjaya mengumpulkan RM6 juta daripada derma wakaf tersebut. Malah secara purata Yayasan Waqaf Pendidikan Anak Yatim atau Miskin Malaysia (YAWATIM) yang bertanggungjawab menguruskan dana wakaf tersebut berjaya mengumpulkan RM 500,000 hingga RM 600, 000 setiap bulan. Skim wakaf UCB terus disalurkan terus kepada anak-anak yatim dan miskin dalam bentuk pembiayaan pendidikan, kos makanan dan peginapan secara percuma di UCB. (Mohd Ali Muhammad Don, 2016).

Selain itu, di Perak Wakaf Pendidikan dapat dilihat menerusi Madrasah Idrisiah dan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), diikuti dengan Wakaf Pendidikan di Johor iaitu Bangunan Asrama Johor untuk pelajar di Mesir dan Jordan, Wakaf Pendidikan di

Selangor selain daripada yang disebutkan di atas iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), manakala Wakaf Pendidikan di Terengganu selain daripada University College Bestari (UCB) ialah Akademi Kulinari Terengganu dan Wakaf Pendidikan di Kedah pula ialah Maktab Mahmud Alor Setar dan Kolej Islam Darul Ulum Pokok Sena (Mokhtar Ismail, Mohd Isa Mohd Deni, Muna Sulaiman & Hairulfazli Muhammad Som, 2015).

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa, wakaf tidak boleh terhenti pada harta-harta tak alih sahaja. Di Malaysia, hanya beberapa peratus sahaja tanah wakaf yang telah dibangunkan. Negara Malaysia yang mana penduduk majoritinya adalah dari penganut Agama Islam, maka wajarlah untuk menggembung sepenuhnya potensi harta wakaf. Hal ini dapat membantu ekonomi kerajaan, juga dapat membantu golongan yang tidak berkemampuan dalam memiliki kediaman dan pendidikan. Seharusnya tiba masanya pula untuk Malaysia pula terkehadapan dalam melestarikan hartanah wakaf yang akan memberi banyak manfaat kepada ummah seperti wakaf di Turki dan Mesir. Dengan perkembangan wakaf yang produktif seperti di Mesir dan Turki dapat dijadikan sebagai salah satu institusi yang menjadi sandaran kerajaan untuk merealisasikan kemaslahatan ummah atau mewujudkan kesejahteraan umat. Pembinaan rumah yang kos rendah bagi golongan yang kurang berkemampuan dan institut pengajian wakaf adalah wajar untuk diperkasakan kerana penempatan dan pelajaran merupakan keperluan bagi masyarakat untuk membina tamadun yang sejahtera.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada skim geran penyelidikan fundamental Kementerian Pengajian Tinggi yang bertajuk “Model Pembangunan Perumahan Golongan B40 di Tanah Wakaf Melalui Kaedah *Build, Operate, Transfer* (B.O.T)” (FRGS/1/2019/SSI03/UNISZA/02/7) di bawah pengurusan Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM) dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdul Haris Naim. (2017). Pengembangan Objek Wakaf dalam Fiqih Islam dan Hukum Positif di Indonesia. *Jurnal Zakat dan Wakaf (ZISWAF)*, 4(2), 245-262.
- Abdurrohman Kasdi. (2018). Dinamika Pengelolaan Wakaf di Negara-negara Muslim. *Jurnal Zakat dan Wakaf*, 73-86.
- Akmal, Mutatohhir & Kassim Muafit. (2021). *Sejarah Perkembangan Wakaf*.
- Amir Muallim. (2015). Pengaruh Pengelolaan Wakaf di Mesir Terhadap Pengelolaan Harta Wakaf Pendidikan di Indonesia. *AKADEMIKA*, 20(1), 103-122.

- Amir Shaharuddin. (2022, Mac 17). Pembangunan Hartanah Wakaf Bantu B50 Miliki Rumah, Elak Tanah Terbiar. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/03/935100/pembangunan-hartanah-wakaf-bantu-b50-miliki-rumah-elak-tanah>
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 113-152.
- Baharuddin Sayin. (2011). *Hala Tuju Waqaf Tunai dalam Isu-isu Semasa Mengenai Waqaf*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Berita Harian. (2022, Mac 2). UDA lancar Wakaf Seetee Aisah 2. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2022/03/929203/uda-lancar-wakaf-seetee-aisah-2>
- Choirun Nissa. (2017). Sejarah, Dasar Hukum dan Macam-Macam Wakaf. *Jurnal Keislaman, Kemasyarakatan & Kebudayaan (TAZKIYA)*, 18(2), 205-219.
- Fakharuddin, H. (2021, Januari 4). *Perkembangan Wakaf di Pulau Pinang*. (F. Dayana, Interviewer)
- Frial Ramadhan Supratman. (2019). Sistem Wakaf dan Kehidupan Sosial Ekonomi di Istanbul Pada Masa Usmani Klasik. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 16(2), 199-198.
- H. Kadenun. (2015). Sejarah Perwakafan di Timur Tengah dan Indonesia. *Al-Adabiya*, 215-229.
- Hanif Md Lateh. (2018). Analysis of Loanwords in Text of Johore State Constitution 1412H (1895). *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 763-770.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2013). *Keluasan Tanah Wakaf di Malaysia*. Putrajaya: JAWHAR.
- Maliah Sulaiman, Mohd Akhyar Adnan & Putri Nor Suad Megat Mohd Nor. (2009). Trust Me! A Case Study Of the International Islamic University Malaysia's Waqf Fund. *International Association For Islamic Economics, Review of Islamic Economics*, 13 (1), 69-88.
- Mohd Afandi Mat Rani, Razali Othman & Afiffudin Mohammed Noor. (2014). Wakaf Irsod: Sumbangan Kepada Pelestarian Pembangunan Malaysia. Conference: *8th ISDEV International Conference on Islamic Developement Management (IDMAC: 2014)* (pp. 1-19). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Ali Muhamad Don. (2017). Sejarah Universiti Al-Azhar Sebagai Model Institusi Pendidikan Wakaf Terulung. *Proceedings 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)* (pp. 1-8). Melaka: Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.
- Mohd Ali Muhammad Don. (2016). Peranan Wakaf untuk Pembangunan Pendidikan Tinggi; Sejarah Silam dan Pelaksanaan di Malaysia. *3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (ICASIC2016)* (pp. 187-194). Kuala Lumpur, Malaysia: World Conference.
- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusof, Nadhirah Nordin. (2020). Perkembangan Kajian Tentang Pembangunan Tanah Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *BITARA International Social Science and Humanities Journal*, 3(2): 12-21.

- Mohd Saharudin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor & Jamal Ali . (2003). Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Ekonomi Ummah di Malaysia . *Jurnal Syariah*, 11(2), 73-98.
- Mohd Syakir Taib & Wan Kamal Mujani. (2014). Sejarah Pendidikan Wakaf Di Malaysia: Tinjauan Literatur. *23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014)* (pp. 1381-1395). Kedah: Universiti Utara Malaysia dan Malaysian Historical Society.
- Mohd. Ali Muhamad Don. (2017). *Sejarah Universiti al-Azhar Sebagai Model Institusi Pendidikan Wakaf Terulung*. 1-8.
- Mohd. Ali Muhammad Don. (2019). Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 24-39.
- Mokhtar Ismail, Mohd Isa Mohd Deni, Muna Sulaiman & Hairulfazli Muhammad Som. (2015). Perkembangan Wakaf Pendidikan Di Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Waqf (ICW2015)* (pp. 364-376). Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Muhsan. (2013). Wakaf di Saudi Arabia dan Mesir (Tinjauan Manajemen dan Terapan Wakaf Produktif). *Al-Majaalis: Jurnal Dirasat Islamiyah*, Vol. 1, No. 1, 151-168.
- Muhammad Ali Hashim, Pengurus Awqaf Holdings Berhad. (2017). Wakaf Atasi Cabaran Ekonomi, <https://awqaf.com.my/wakaf-atasi-cabaran-ekonomi/>. Malaysia: Awqaf Holdings. Retrieved from Awqaf Holdings: <https://awqaf.com.my/wakaf-atasi-cabaran-ekonomi/>
- Murat Cizakca. (1998). Awqaf in History and its Implications for Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43-70.
- Murat Cizakca. (2004). Ottoman Cash Waqfs Revisited: The Case of Bursa 1555-1823. *Foundation for Science Technology and Civilisation*, 1-20.
- Nasoha. (2022, Mac 28). *Pembangunan Wakaf di Selangor*. (F. Dayana, Interviewer)
- Nur Ainul Basyirah Alias, Ermy Azziaty Rozali. (2021). Gazi Husrev Beg: Dermawan yang Membangunkan Wakaf Sarajevo. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 22(1), 53-60.
- Pejabat Audit Negara Malaysia. (2002). *Laporan Ketua Audit Negara Negeri Melaka Tahun 2002*.
- Perbadanan Wakaf Selangor. (2021, Oktober 28). Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Projek Perumahan Wakaf Di Jalan Limau, Meru Klang. Retrieved from *Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)*: <https://www.wakafselangor.gov.my/index.php/galeri/berita-pws/majlis-perasmian-dan-pecah-tanah-projek-perumahan-wakaf-di-jalan-limau-meru-klang>
- Rabiatal Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed & Norhanizah Johari. (2017). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM)* (pp. 43-51). Selangor: Faculty of Management & Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

- Razi Yaakob, Daud Ismail, Hamdan Aziz & Mohd Shukri Jusoh (2017). Pemantapan Institusi Wakaf Pulau Pinang dalam Aspek Pembangunan Fizikal dan Kerohanian. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*.
- Rohmatul Nur Zaenab. (2019). Pengelolaan Wakaf di Singapura. *Jurnal Pikir: Jurnal Studi Pendidikan dan Hukum Islam*. 5(1), 1-17.
- Sinar Harian. (2021, Oktober 28). Dua projek perumahan bakal dibangunkan di tanah wakaf MAIS. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/169218/edisi/dua-projek-perumahan-bakal-dibangunkan-di-tanah-wakaf-mais>
- Siti Arni Basir. (2004). Pembangunan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 19, 211-228.
- Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman. (2015). Financing Universities Through Waqf, Pious Endowment: Is It Possible? *Humanomics*, 31(4), 430-453.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang. *Jurnal Syariah*, 61-83.